

11/06/2001

Majlis pelajar serah kepada polis siasat isu majalah Varsiti

KUALA LUMPUR, Ahad - Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM) tidak akan menjalankan siasatan dalaman berhubung penerbitan majalah Varsiti 2001 palsu.

Sebaliknya, MPMUM menyerahkan sepenuhnya siasatan itu kepada pihak polis.

Timbalan Presidennya, Aznur Hafeez Kaswuri, ketika dihubungi berkata, MPMUM menyerahkan segala urusan siasatan itu kepada polis dan akan memberi kerjasama jika diminta berbuat demikian.

"Biar polis yang menyiasat perkara ini. Kami percaya mereka dapat menyelesaikan masalah ini," katanya.

Ditanya kemungkinan perbuatan itu dilakukan ahli MPMUM sendiri, Aznur berkata: "Biar polis siasat. Kita tunggu siasatan mereka."

MPMUM sebelum ini didakwa menerbitkan Varsiti 2001 palsu yang memuatkan rencana antikerajaan, selain gambar demonstrasi serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpakaian Firaun yang menggunakan teknik grafik gambar bertindih berikutan pendedaran kira-kira 20 naskhah majalah berkenaan.

MPMUM bagaimanapun menafikan dakwaan itu dan menjelaskan edisi sebenar Varsiti 2001 masih dalam proses penerbitan.

Edisi sebenar itu dikatakan mengandungi 42 bahagian dan menyentuh mengenai persatuan pelajar di Universiti Malaya.

Presidennya, Mohamad Fuad Mohd Ikhwan, berkata Varsiti yang diedarkan itu adalah palsu kerana muka depannya menyamai edisi tahun lalu dan banyak menggunakan teknik gambar bertindih.

Berikutan kejadian itu, MPMUM sudah membuat laporan polis, Khamis lalu.

Sebelum ini Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menyuarakan rasa sedih dengan penerbitan majalah itu.

Beliau kesal kerana perbuatan seumpama itu dikaitkan dengan universiti tertua dan sering dikatakan sebagai universiti terbaik di negara ini.

(END)